

17/02/2000

Umno tidak perlu ubah peraturan: Tajol Rosli

IPOH, Rabu - Umno tidak perlu mengubah peraturan yang diterima pakai parti itu sebelum ini, selagi ia tidak menimbulkan sebarang masalah atau tidak sesuai dengan perubahan semasa.

Sehubungan itu, Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, berkata cadangan agar calon yang ingin bertanding jawatan tinggi parti mesti melepaskan jawatan dalam kerajaan tidak wajar dilaksanakan kerana kurang sesuai.

"Dalam Umno perkara itu tidak pernah berlaku dan mengapa kita perlu ubah sekarang?

"Perkara berkenaan tidak penting apa yang lebih utama ialah menstabilkan kedudukan parti," katanya di sini, hari ini.

Beliau mengulas cadangan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah, baru-baru ini supaya pemimpin Umno yang ingin bertanding pada pemilihan parti Mei ini melepaskan jawatan mereka terlebih dahulu dalam kerajaan.

Tengku Razaleigh berkata, tindakan itu bertujuan mengelak penyalahgunaan kuasa membabitkan calon itu bagi tujuan berkempen di samping membolehkan semua calon yang bertanding nampak lebih setaraf.

Tajol Rosli yang juga Menteri Besar berkata, apa yang lebih penting bagi ahli parti sekarang ialah memastikan jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Umno tidak dipertandingkan dalam pemilihan kali ini, sebagaimana yang dinasihatkan Majlis Tertinggi (MT) parti.

Langkah itu perlu bagi mewujudkan kestabilan dalam Umno kerana Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini sudah membayangkan bahawa timbalan beliau, iaitu Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mengambil alih tempat berkenaan apabila beliau mengundurkan diri.

"Saya yakin Dr Mahathir akan berpegang kepada janjinya bahawa pilihan raya lalu adalah pilihan raya terakhir baginya sebelum melepaskan jawatan secara baik demi kestabilan parti dan kerajaan Barisan Nasional (BN).

"Oleh itu, beliau akan menggunakan sebaik-baiknya masa yang ada untuk mengukuh dan menstabilkan Umno sekarang bagi menghadapi pilihan raya lebih mencabar pada 2005.

"Tidak ada maknanya kita berebut kuasa untuk memimpin Umno jika parti kita lemah dan kalah dalam pilihan raya," katanya.

(END)